

15/03/1999

Pembela panggil semula tiga saksi pendakwa

KUALA LUMPUR, Ahad - Perbicaraan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memasuki hari ke-72 esok, akan menyaksikan pembela memanggil semula tiga saksi utama pendakwa untuk memberi keterangan.

Mereka ialah bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Mohd Said Awang; timbalannya, Datuk Amir Junus dan Pegawai Penyiasat Senior Asisten Komisioner I Musa Hassan.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk S Augustine Paul membenarkan pihak pembela memanggil saksi berkenaan selepas diberitahu bahawa keterangan ketiga-tiganya diperlukan untuk mendapat pengesahan mengenai beberapa perkara.

Mohd Said akan ditanya mengenai surat keduanya bertarikh 3 September 1997 yang dihantar kepada Perdana Menteri menyebut pembabitian beberapa orang dalam menjatuhkan Anwar.

Amir pula akan ditanya berhubung perbualan yang didakwa diadakannya dengan bekas pegawai pengiring Anwar, Asisten Superintendan Zull Aznam Haron, manakala Musa dipanggil untuk membolehkan pembela mengemukakan afidavitnya dalam kes Datuk S Nallakaruppan menjadi barangan kes pada perbicaraan Anwar.

Selain mendengar keterangan tiga saksi itu, mahkamah juga akan mendengar sambung hujah pembela dan pendakwa berhubung sama ada cadangan keterangan beberapa saksi pembela mempunyai kaitan dengan kes Anwar.

Pembela ingin memanggil peguam bela Nallakaruppan, Manjeet Singh Dhillon; adik angkat Anwar, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja; bekas penulis ucapan Anwar, Dr Munawar Ahmad Aness dan pereka fesyen Meor Abdul Razak Yahya.

Setakat ini, pembela sudah memanggil 21 saksi termasuk Anwar sendiri. Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail juga dipanggil untuk memberi keterangan bagi pihak pembela.

Pembela sudah memberitahu mahkamah pihaknya tidak bercadang memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai saksi.

Perbicaraan Anwar masih menarik perhatian apabila orang ramai terus beratur sejak awal pagi untuk masuk ke mahkamah.

Seramai 23 saksi pendakwa sudah dipanggil memberi keterangan termasuk Mohd Said, Amir, dua pegawai SB, Deputy Superintendan Abdul Aziz Hussin, Asisten Komisioner Mazlan Mohd Din, Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri, Datuk Alias Ali, Azizan Abu Bakar dan Ummi Hafilda Ali.

Anwar menghadapi empat tuduhan rasuah mengikut Seksyen 2(1) Ordinan 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga menghadapi satu lagi tuduhan amalan rasuah dan lima tuduhan liwat yang akan dibicarakan antara Disember hingga Jun tahun depan.

Lima tuduhan liwat itu didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Paul bagaimanapun belum menetapkan perbicaraan satu lagi kes amalan rasuah dan kes liwat. Beliau menetapkan supaya empat tuduhan rasuah dibicarakan terlebih dahulu bermula pada 2 November lalu.

(END)